

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
KAWASAN : SELAYANG
TARIKH BAHAS : 17.11.2016 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 32

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan langsung asing bagi tahun 2016 dan cabaran-cabaran Malaysia untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dengan persaingan daripada negara-negara Asia Tenggara yang lain.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pelaburan dalam sektor perkilangan di Malaysia terus memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016, sebanyak RM35.9 bilion pelaburan telah diluluskan dalam sektor perkilangan. Daripada jumlah ini, pelaburan asing yang diluluskan adalah sebanyak RM17.9 bilion (49.9%), manakala pelaburan tempatan menyumbang sebanyak RM18 bilion (50.1%).

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menarik pelaburan langsung ke dalam negara, Malaysia sememangnya menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan terutamanya di peringkat serantau dan global. Negara-negara anggota ASEAN seperti Viet Nam, Kambodia, Filipina dan Indonesia misalnya dilihat sebagai mempunyai kelebihan yang relatif dari segi penawaran upah buruh yang murah, sumber tanah yang luas serta mempunyai pasaran domestik yang besar.

Menyedari peningkatan persaingan untuk menarik pelaburan asing, pihak Kerajaan telah mengambil pendekatan

transformasi untuk menarik pelaburan strategik yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, berasaskan teknologi dan pengetahuan sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.

Dalam usaha untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui MITI bagi memastikan pengaliran pelaburan langsung asing terus kukuh di Malaysia untuk mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM291 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Kerajaan terus komited dengan melaksanakan pelbagai aktiviti penggalakan pelaburan bagi menarik pelabur ke dalam negara. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan “pendekatan berfokus” atau, dengan izin, “*targeted approach*” dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;

- ii. Menggunakan pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan berkualiti terhadap industri yang disasarkan. Pendekatan ini merangkumi elemen seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran, selaras dengan objektif Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020;
- iii. Menganjur misi-misi pelaburan dan perdagangan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah Kementerian ini iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik peluang-peluang pelaburan yang baharu;
- iv. Menganjur seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- v. Menawarkan galakan cukai yang menarik seperti Galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi tempoh 5 hingga 10 tahun;
- vi. Memberi pengecualian penuh duti import dan/atau cukai jualan bagi bahan-bahan mentah/komponen dan mesin/peralatan untuk aktiviti-aktiviti perkilangan dan perkhidmatan terpilih domestik;

- vii. Mengkaji semula pemberian insentif cukai supaya sentiasa dapat menarik pelaburan yang berkualiti terutama dalam industri berteknologi baharu muncul, dengan izin, *emerging industry* dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber alternatif, dengan izin, *advanced electronics*, bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aeroangkasa, petrokimia dan sektor perkhidmatan;
- viii. Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara; dan
- ix. Meliberalisasikan sub-sektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Langkah-langkah ini dilaksanakan secara berterusan oleh Kerajaan. Selain itu, pihak pembangunan wilayah koridor ekonomi seperti Wilayah Koridor Ekonomi Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Iskandar Malaysia (IRDA), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) juga memainkan peranan penting untuk menarik pelaburan asing ke dalam negara dengan menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti di koridor-koridor tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Semua usaha dan langkah yang dirancang adalah dinamik, anjal dan selari dengan tuntutan serta perubahan dalam ekonomi global serta dengan misi transformasi negara yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya menerusi pengenalan dasar liberalisasi ekonomi, Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA). Kerajaan akan terus berusaha memastikan agar Malaysia terus berada di landasan yang tepat, selamat dalam menarik minat pelabur asing yang baharu dan berpotensi untuk terus kekal melabur di negara ini.

SULIT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO'SRI DOUGLAS UGGAH
EMBAS
[BETONG]**

TARIKH : 17.11.2016 (KHAMIS)

SOALAN : 33

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan secara terperinci kemajuan *Rural
Growth Center* (RGC) di seluruh negara.

SULIT

SULIT

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Rural Growth Center (RGC) atau Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) merupakan merupakan pusat tumpuan desa yang dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan masyarakat dan pusat ekonomi tempatan. Sesebuah PPD perlulah mempunyai bilangan penduduk sekurang-kurangnya 2,500 orang.

Terdapat 4 komponen PPD, iaitu:

- i. Pembangunan ekonomi – Melibatkan penyediaan peluang pekerjaan berasaskan pertanian, pusat pengumpulan hasil pertanian, industri hiliran dan pelancongan desa;
- ii. Kemudahan prasarana – melibatkan pembinaan infrastruktur termasuk jalan raya, elektrik, air, telekomunikasi dan ICT;

SULIT

SULIT

- iii. Pusat perkhidmatan – penyediaan kemudahan awam, pusat perniagaan, kemudahan rekreasi dan institusi kewangan; dan
- iv. Pembangunan manusia - meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penduduk.

Faktor utama kejayaan sesebuah PPD amat bergantung kepada kerjasama yang erat di antara agensi kerajaan yang terlibat untuk membangunkan PPD.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 494 PPD di Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kerajaan Negeri. Kementerian ini telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan 15 buah PPD sejak tahun 1992. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), daripada 494 PPD di Semenanjung Malaysia, hanya 27 buah PPD sahaja yang berjaya dilaksanakan.

SULIT

SULIT

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebanyak projek 11 *Rural Growth Center* (RGC) atau Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) turut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, hanya 1 PPD/RGC yang telah siap dan 4 masih di peringkat pelaksanaan dan 6 telah ditangguhkan pelaksanaannya.

SULIT